A

UTHAYAKUMAR PONNUSAMY lwn. YAB DATO' SERI NAJIB TUN RAZAK & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NORDIN HASSAN PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-97-10-2015]
B 17 FEBRUARI 2016

PROSEDUR SIVIL: *Bidang kuasa – Permohonan untuk relif – Sama ada permohonan mengikut kehendak undang-undang – Tajuk perkara atau 'intitulement' tidak dinyatakan dalam permohonan – Sama ada mahkamah*
C *mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan berkenaan permohonan relif-relif – Kuasa-kuasa tambahan di bawah s. 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 – Sama ada terpakai – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 53 – Akta Relif Spesifik 1950, ss. 44, 45*

D Pemohon memfailkan suatu notis usul bertarikh 2 Oktober 2015 untuk, antara lain, mendapatkan relif-relif seperti *mandamus*, deklarasi dan injunksi/perintah larangan berikutan layanan buruk dan penderaan yang dilakukan terhadap pemohon di penjara. Isu-isu untuk dipertimbangkan oleh mahkamah adalah (i) sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa berhubung permohonan dan relif-relif yang dipohon; dan (ii) sama ada
E kegagalan menyatakan tajuk perkara (intitulement) memudaratkan permohonan.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberi relif-
F relif yang dipohon pemohon. Tiada apa-apa peruntukan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 atau Kanun Tatacara Jenayah yang memberi kuasa untuk mahkamah berbuat demikian. (perenggan 10)

(2) Permohonan perlu mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 berkaitan perkara-perkara yang dipohon seperti A. 53 bagi permohonan
G untuk *mandamus* atau ss. 44 dan 45 Akta Relif Spesifik 1950. Ini tidak dipatuhi dalam permohonan ini dan oleh itu, kuasa-kuasa tambahan tidak terpakai di bawah s. 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964. (perenggan 15)

(3) Mahkamah tidak dapat menggunakan kuasa inherennya jika mahkamah
H tidak mempunyai bidang kuasa seperti dalam kes ini. Malah, berhubungan dengan 'intitulement' atau tajuk-tajuk perkara, permohonan hanya menyatakan 'permohonan jenayah' tanpa menyebut di bawah undang-undang atau kaedah-kaedah mana permohonan ini disandarkan bagi menyokong permohonan pemohon. Kepentingan tajuk-
I tajuk perkara penting bagi mahkamah mempertimbangkan kesahan permohonan. (perenggan 16 & 17)

Kes-kes yang dirujuk:
Cheow Chew Khoon v. Abdul Johari Abdul Rahman [1995] 4 CLJ 127 CA ***(dirujuk)***
Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn. Heng Peo [2007] 2 CLJ 111 CA ***(dirujuk)***
Loh Kooi Choon v. Government of Malaysia [1975] 1 LNS 90 FC ***(dirujuk)***
PP v. Kok Wah Kuan [2007] 6 CLJ 341 FC ***(dirujuk)***
Teh Cheng Poh v. PP [1978] 1 LNS 202 PC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Commissions of Enquiry Act 1950, s. 2(1)
Courts of Judicature Act 1964, ss. 22, 25(2)
Evidence Act 1950, s. 129
Federal Constitution, arts. 5(3), 8, 121(1), 145(3)
Legal Profession Act 1976, s. 42
Penal Code, s. 307
Rules of Court 2012, O. 53
Specific Relief Act 1950, ss. 44, 45

Bagi pihak pemohon - Hadir sendiri
Bagi pihak responden-responden - Suzana Atan; TPR

Dilaporkan oleh Siti Hazwani Hanim Ramli

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Pemohon dalam kes ini telah memfailkan notis usul bertarikh, 2 Oktober 2015 di mahkamah ini bagi mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

(i) perintah untuk responden pertama mencadangkan kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang diketuai oleh pemohon atau seorang Peguam Hak Asasi Manusia untuk menyiasat aduan-aduan bertulis pemohon kepada responden-responden;

(ii) perintah untuk setiap banduan di Penjara Malaysia diberi rawatan kesihatan dan rawatan doktor pakar yang sama seperti mana orang awam yang lain dan setiap penjara dilengkapi dengan hospital bertaraf Hospital Daerah;

(iii) deklarasi bahawa pemohon adalah seorang banduan kes politik dan pemenjaraan pemohon bersama banduan biasa yang lain dan tidak diasingkan serta layanan buruk terhadap pemohon adalah bertentangan dengan per. 8 Perlembagaan Persekutuan;

(iv) deklarasi bahawa layanan buruk terhadap pemohon seperti dinyatakan perinciannya dalam notis usul adalah melanggar Peraturan 119 dan Peraturan 121 Akta Penjara dan Undang-Undang Antarabangsa seperti yang digariskan dalam "Standard Minimum

Rules for the Treatment of Prisoners Adopted by the First United Nations Congress on the Prevention of Crime and the Treatment of Offenders 1955;

(v) deklarasi bahawa perbuatan responden keempat, Superintendan Fayrous bin Ahmad, Superintendan Ranjit Singh, DSP Mohd Noor bin Abu Bakar, Ketua Inspektor Mohammad Shahril bin Yahaya, Inspektor Mohd Afandy bin Jantan, Inspektor Sajideh bin Samin, Inspektor Mc Kenzie, Koperal Ismail, Konstabel Ramana yang mengarahkan seorang banduan membunuh pemohon dan tindakan Inspektor Sajideh bin Samin dan Konstabel Dawood merampas buku tulis, nota kepada peguam, mendengar perbualan di antara pemohon dan pihak peguamnya dan mendera pemohon semasa pemenjaraannya adalah perbuatan "torture", perbuatan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah yang melanggar per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan, s. 129 Akta Keterangan 1950 dan s. 42 Akta Profesion Undang-Undang 1976, s. 307 Kanun Keseksaan dan satu pelanggaran Akta Penjara 1995, Peraturan Penjara 2000 dan Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners Adopted by the First United Nations Congress on the Prevention of Crime and the Treatment of Offenders 1955;

(vi) perintah untuk responden kedua mengambil tindakan disiplin untuk tahan kerja atau buang kerja dan tahan pencen pegawai-pegawai Penjara Kajang yang dinamakan kerana perbuatan mendera, salah guna kuasa dan perbuatan jenayah terhadap pemohon;

(vii) deklarasi bahawa amalan pesakit-pesakit tibi dipenjarakan bersama pemohon dan banduan-banduan lain melanggar peruntukan Akta Penjara 1995, Peraturan Penjara 2000 dan Undang-Undang Antarabangsa dan memohon perintah melarang amalan ini daripada diteruskan;

(viii) deklarasi bahawa amalan sepuluh orang banduan ditempatkan dalam satu sel yang sempit dan membasuh mangkuk tandas dengan tangan adalah perbuatan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah dan melanggar Peraturan dan Akta Penjara serta undang-undang Antarabangsa. Pemohon juga memohon perintah melarang amalan ini diteruskan;

(ix) perintah untuk semua banduan di Malaysia diberikan latihan kemahiran dan pinjaman mikro kredit sebanyak RM50,000 serta lesen perniagaan;

(x) deklarasi bahawa penggunaan banduan untuk menjerit, memukul, mendera, menghukum, mendisiplinkan banduan lain dan mengendalikan kursus pemulihan untuk tujuan parol adalah melanggar Peraturan dan Akta Penjara serta undang-undang Antarabangsa dan memohon perintah melarang amalan ini;

(xi) perintah untuk responden pertama dan/atau responden kedua melantik pemohon atau seorang Peguam Hak Asasi Manusia sebagai Ketua Pengarah Hak Asasi Minima Banduan (U.N.) Malaysia yang berstatus, bergaji dan berkuasa seperti Ketua Pengarah Penjara Malaysia berhubung hak asasi dan bertugas di Ibu Pejabat, Jabatan Penjara Malaysia;

(xii) perintah untuk dua orang Peguam Hak Asasi Manusia dilantik sebagai Pengarah dan Timbalan Pengarah, Hak Asasi Minima Banduan (U.N.) Malaysia yang berstatus, bergaji dan berkuasa seperti Pengarah dan Timbalan Pengarah Penjara di setiap penjara di Malaysia;

(xiii) deklarasi bahawa segala perbuatan-perbuatan deraan di penjara seperti diperincikan dalam notis usul adalah melanggar Peraturan dan Akta Penjara serta undang-undang Antarabangsa dan memohon perintah melarang perbuatan-perbuatan berkenaan;

(xix) deklarasi bahawa amalan pemberian makanan kepada banduan yang berkurangan adalah melanggar Peraturan dan Akta Penjara dan undang-undang Antarabangsa dan memohon perintah melarang amalan ini;

(xx) deklarasi bahawa amalan banduan juvana berkongsi lokap tempat berjumpa keluarga, kantin, wad hospital dan klinik bersama banduan dewasa adalah melanggar Peraturan dan Akta Penjara serta undang-undang Antarabangsa dan memohon perintah untuk amalan ini tidak diteruskan;

(xxi) perintah untuk banduan transvestite dipenjarakan secara berasingan dan dikawal oleh warden wanita;

(xxii) perintah untuk semua banduan beragama Islam dibenarkan sembahyang Jumaat setiap minggu;

(xxiii) perintah untuk responden kelima mendakwa semua individu yang melakukan perbuatan jenayah terhadap pemohon dan banduan-banduan lain;

(xxiv) perintah untuk responden-responden memansuhkan hukuman gantung sampai mati, hukuman penjara seumur hidup, hukuman rotan dan hukuman penjara melebihi 20 tahun; dan

(xxv) perintah untuk semua program parol di semua penjara di Malaysia diketuai oleh seorang Peguam Hak Asasi Manusia.

[2] Berhubung permohonan ini, satu bantahan awal telah difailkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bagi pihak responden-responden atas alasan berikut:

A (i) relif-relif yang dipohon oleh pemohon adalah di luar bidang kuasa mahkamah ini; dan

(ii) tiada tajuk perkara (intitulement) dinyatakan dalam permohonan ini yang menyatakan di bawah peruntukan undang-undang mana permohonan dibuat dan disandarkan bagi menyokong permohonan ini.

B

Keputusan Mahkamah Terhadap Bantahan Awal

[3] Pertamanya adalah mengenai isu bidang kuasa mahkamah berhubung permohonan dan relif-relif yang dipohon oleh pemohon dalam permohonan ini.

C

[4] Perlembagaan Persekutuan telah secara amnya menggariskan antara lain bahawa bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah dari kuasa-kuasa yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan. Ini dinyatakan di bawah per. 121(1) Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

D **Perkara 121, Kuasa Kehakiman Persekutuan**

(1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya iaitu:

(a) satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai pejabat
E pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri-Negeri Tanah Melayu yang ditentukan oleh Yang Di-Pertuan Agong; dan

(b) satu di negeri Sabah dan Sarawak, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana ternpat di Negeri Sabah
F dan Sarawak yang ditentukan oleh Yang Di-Pertuan Agong;

(c) (dimansuhkan)

Dan mana-mana mahkamah bawahan yang diperuntukan oleh undang-undang persekutuan dan Mahkamah Tinggi dan mahkamah bawahan itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan
G oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

[5] Berhubung peruntukan per. 121(1) ini, Presiden Mahkamah Rayuan Abdul Hamid Mohamad (ketika itu) dalam kes *PP v. Kok Wah Kuan* [2007] 6 CLJ 341; [2008] 1 MLJ 1 menyatakan seperti berikut:

H If we want to know the jurisdiction and powers of the two High Courts, we will have to look at the Federal law. If we want to call those powers 'judicial powers', we are perfectly entitled to. But, to what extent such judicial powers are vested in the two High Courts depend on what Federal law provides, not on the interpretation the term judicial power as prior to the amendment.

I **[6]** Berasaskan peruntukan per. 121(1) ini, bidang kuasa Mahkamah Tinggi dalam perkara jenayah adalah diberikan oleh undang-undang Persekutuan iaitu di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Kanun Tatacara Jenayah dan kuasa inheren Mahkamah Tinggi.

[7] Seksyen 22 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan: A

(1) The High Court shall have jurisdiction to try:

(a) all offences committed:

(i) within its local jurisdiction;

(ii) on the high seas on board any ship or on any aircraft registered in Malaysia; B

(iii) by any citizen or any permanent resident on the high seas on board any ship or on any aircraft;

(iv) by any person on the high seas where the offences in piracy by the law of nations; and C

(b) offences under Chapters VI and VI A of the Panel Code, and under any of the written specified in the Schedule to the Extra-Territorial Offences Act 1976, or offences under any other written law the commission of which is certified by the Attorney General to the affect the security of Malaysia committed, as the case may be: D

(i) on the high seas on board any ship or on any aircraft registered in Malaysia;

(ii) by any citizen or any permanent resident on the high seas on board any ship or on any aircraft; E

(iii) by any citizen or any permanent resident in any place without and beyond the limits of Malaysia;

(iv) by any person against a citizen of Malaysia;

(v) by any person against property belonging to the Government of Malaysia or the Government of any State in Malaysia located outside Malaysia, including diplomatic or consular premises of Malaysia; F

(vi) by any person to compel the Government of Malaysia or the Government of any State in Malaysia to do or refrain from doing any act; G

(vii) by any stateless person who has his habitual residence in Malaysia;

(viii) by any person against or on board a fixed platform while it is located on the continental shelf of Malaysia; or H

(ix) by any person who after the commission of the offence is present in Malaysia.

(2) The High Court may pass any sentence allowed by law.

I

[8] Seksyen 25(2) pula memperuntukkan:

> 25. Powers of the High Court:
>
> (1) ...
>
> (2) Without prejudice to the generality of subsection (1) the High Court shall have additional powers set out in the Schedule:
>
> Provided that all such powers shall be exercised in accordance with any written law or rules of court relating to the same.
>
> Schedule
>
> (Section 25(2))
>
> Additional Powers Of High Court
>
> 1. Prerogative writs
>
> Power to issue to any person or authority directions, orders or writs of the nature of *habeas corpus*, *mandamus*, prohibition, *quo warranto* and *certiorari*, or any others, for the emforcement of the rights conferred by part II of the Constitution, or any of them or for any purpose.

[9] Walau bagaimanapun, bagi kuasa tambahan di bawah s. 25(2) ini ianya hendaklah digunakan selaras dengan undang-undang bertulis atau Kaedah-Kaedah Mahkamah berhubung perkara yang sama. Ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn. Heng Peo* [2007] 2 CLJ 111; [2007] 3 MLJ 97 di ms. 125 (CLJ); ms. 107 (MLJ) seperti berikut:

> [19] Persoalannya sekarang adalah sama ada remedi-remedi yang dipohon oleh pemohon boleh diperolehi melalui sesuatu Permohonan Jenayah Pelbagai dengan adanya rujukan kepada peruntukan seksyen 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada Akta 91 tersebut sebagai tajuk perkara atau 'intitulement' kepada permohonan tersebut. Kami berpendapat kuasa-kuasa tambahan yang diberi kepada mahkamah oleh seksyen 25(2) Akta 91 seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 1 Jadual tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut kehendak undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah mengenainya. Kehendak undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang dimaksudkan dan terpakai dalam hal perkara ini adalah A. 53 KMT (sila lihat kes *Pahang South Union Omnibus Co Bhd v. Minister of Labour and Manpower & Anor* [1981] 2 MLJ 199). Di dalam kes rayuan sekarang ini pemohon telah menggunakan prosedur melalui Permohonan Jenayah Pelbagai untuk bertindak dan meyakinkan Mahkamah Tinggi melaksanakan kuasa-kuasa tambahannya seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25(2) dan perenggan 1 Jadual kepada Akta 91. Kami berpendapat oleh kerana prosedur permohonan yang digunakan oleh pemohon adalah salah maka Mahkamah Tinggi dalam memberi perintah yang dipohon oleh pemohon adalah dengan ini bertindak tanpa bidang kuasa dan perintah yang diberi adalah dianggap tidak sah.

[10] Kembali kepada relif-relif yang dipohon oleh pemohon dalam notis usulnya seperti yang telah diperincikan terdahulu, saya mendapati mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberikan relif-relif berkenaan. Tiada apa-apa peruntukan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 atau Kanun Tatacara Jenayah yang memberi kuasa untuk mahkamah ini berbuat demikian.

[11] Secara khusus berkaitan relif-relif yang dipohon, kuasa bagi menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah s. 2(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

[12] Seterusnya, kuasa untuk mendakwa seperti yang dipohon oleh pemohon bagi mendakwa pegawai-pegawai penjara yang melakukan kesalahan terhadap pemohon adalah terletak pada Peguam Negara menurut per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Lord Diplock dalam kes *Teh Cheng Poh v. Public Prosecutor* [1978] 1 LNS 202; [1979] 1 MLJ 50 telah menjelaskan kuasa Peguam Negara ini seperti berikut:

> Their Lordships agree with the Federal Court in rejecting this contention. Under the common law system of administration of criminal justice a prosecuting authority has a discretion whether to institute proceedings at all and, if so, with what offence to charge the accused. Such a discretion is conferred upon the Attorney General of Malaysia by Article 145(3) of the Constitution, *viz*:
>
> > The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Muslim court, a native court or a court-martial.
>
> There are many factors which a prosecuting authority may properly take into account in exercising its discretion as to whether to charge a person at all, or, where the information available to it discloses the ingredients of a greater as well as a lesser offence, as to whether to charge the accused with the greater or the lesser.

[13] Selain itu kuasa untuk memansuhkan undang-undang seperti hukuman mati pula adalah terletak pada Parlimen. Tugas mahkamah hanya untuk memberi kesan kepada undang-undang yang digubal oleh Parlimen walaupun undang-undang tersebut dikatakan bersifat kejam seperti dinyatakan oleh HMP Raja Azlan Shah (ketika itu) dalam kes *Loh Kooi Choon v. Government of Malaysia* [1975] 1 LNS 90; [1977] 2 MLJ 187.

> The question whether the impugned Act is 'harsh and unjust' is a question of policy to be debated and decided by Parliament, and therefore not meet for judicial determination. To sustain it would cut very deeply into the very being of Parliament. Our courts ought not to enter this political thicket, even in such a worthwhile cause as the fundamental rights guaranteed by the Constitution, for as was said by Lord Macnaghten in *Vancher & Sons Ltd v. London Society of Compositors*:

A Some people may think the policy of the Act unwise and even dangerous to the community. Some may think it at variance with principles which have long been held sacred. But a judicial tribunal has nothing to do with the policy and any Act which it may be called upon to interpret. That may be a matter for private judgment. The duty of the court, and its only duty, is to expound the language of the Act in accordance with the settled rules
B of construction. It is, I apprehend, as unwise as it is unprofitable to cavil at the policy of an Act of Parliament, or to pass a covert censure on the Legislature.

It is the province of the courts to expound the law and 'the law must be taken to be as laid down by the courts, however much their decisions may
C be criticised by writers of such great distinction' – per Roskill LJ in *Henry v. Geopresco International Ltd*. Those who find fault with the wisdom or expediency of the impugned Act, and with vexatious interference of fundamental rights, normally must address themselves to the legislature, and not the courts; they have their remedy at the ballot box.

D **[14]** Di samping itu, berdasarkan relif-relif yang dipohon, ianya dapat dikategorikan antaranya di bawah perkara berikut:

(i) *mandamus*;

(ii) deklarasi; dan

E (iii) injunksi/perintah larangan.

[15] Jelasnya dari permohonan yang dibuat oleh pemohon dalam kes ini, permohonan tersebut perlu mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 berkaitan perkara-perkara yang dipohon seperti A. 53 bagi permohonan untuk *mandamus* atau ss. 44 dan 45 Akta Relif Spesifik 1950. Ini telah tidak
F dipatuhi dalam permohonan ini dan oleh itu juga kuasa-kuasa tambahan di bawah s. 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 adalah tidak terpakai.

[16] Berkaitan kuasa inheren mahkamah pula, mahkamah tidak dapat menggunakan kuasa inherennya jika mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa seperti dalam kes ini.

G

[17] Seterusnya berhubung dengan 'intitulement' atau tajuk-tajuk perkara, saya dapati permohonan ini hanya menyatakan 'Permohonan Jenayah' tanpa menyebut di bawah undang-undang atau kaedah-kaedah mana permohonan ini disandarkan bagi menyokong permohonan pemohon.

H **[18]** Tajuk-tajuk perkara ini bukan sahaja penting kepada responden-responden antara lain untuk menyediakan hujahan undang-undang berkenaan dengan berkesan tetapi juga penting kepada mahkamah antaranya untuk mempertimbangkan keesahan permohonan berdasarkan undang-undang termasuk kaedah-kaedah yang dinyatakan. Kepentingan tajuk-tajuk perkara
I ini telah dijelaskan dalam kes Mahkamah Rayuan *Cheow Chew Khoon v. Abdul Johari Abdul Rahman* [1995] 4 CLJ 127; [1995] 1 MLJ 457 di ms. 142 (CLJ); ms. 477 (MLJ) seperti berikut:

The plaintiff, as noted earlier, says that if one were to undertake a careful scrutiny of the originating summons and the affidavit in support, one would come to the conclusion that it is not an application made under O. 89. The summons does not, as I observed very early in this judgment, state any particular rule of court in its intitulement. Now, I think that that is not only the court to determine which rule of court the plaintiff is invoking unless he explicitly specifies it? If a defendant and the court should have not to conduct a close examination of the supporting affidavit in each case in order to determine the particular jurisdiction or power that is being invoked by an originating summons or other originating process that requires an intitulement, then a plaintiff will be at liberty to shift from one rule to another or indeed from one statute to another as it pleases him without any warning whatsoever to his opponent or the court. It would make a mockery of the principle that there must be no surprise in civil litigation. If the' submission of counsel be the law, then it is wrong. But I am firmly of the view that it is not.

In my judgment, this matter, which is a point of practice and procedure, is to be resolved by reference to the fundamental principle that a party must not take his opponent or the court by surprise. It is my opinion that an originating process requiring an intitulement must state, with sufficient particularity, either in its heading or in its body, the statute of rule of court under which the court is being moved: otherwise it would be an embarrassing pleading and be may be liable to be struck out, unless sooner amended.

[19] Prinsip undang-undang dalam kes ini seharusnya terpakai bagi permohonan jenayah seperti dalam permohonan pemohon ini. Dalam kes *Ketua Pengarah Imigresen Malaysia v. Heng Peo (supra)*, isu tajuk perkara ini juga telah dijelaskan kepentingannya.

[20] Berdasarkan huraian di atas bantahan awal oleh pihak responden-responden adalah dibenarkan.

[21] Permohonan pemohon di lampiran 3 adalah ditolak.